

6

Prestasi Sektor Swasta

Tinjauan Keseluruhan

Pada umumnya prestasi sektor swasta dijangka menjadi lebih sederhana dalam tahun 1997. Ini adalah sebahagiannya disebabkan pertumbuhan permintaan dari dalam dan luar negeri yang lebih sederhana, di samping beberapa langkah yang diambil oleh Kerajaan berikutan perkembangan-perkembangan yang semakin meruncing akibat aktiviti spekulasi ke atas matawang baht Thailand sejak pertengahan Mei 1997. Hasil korporat dijangka meningkat dengan perlahan, oleh kerana pendapatan sektor perkilangan, sektor pembinaan serta beberapa sektor perkhidmatan khususnya institusi kewangan telah terjejas. Ini disebabkan oleh kejatuhan harga barangan perkilangan di pasaran dunia, had pinjaman yang dikenakan kepada sektor hartanah dan pembiayaan bagi pembelian saham, sikap lebih berhati-hati pemaju perumahan berikutan dengan lebih penawaran dalam pasaran hartanah, serta terhakisnya keyakinan pengguna akibat kejatuhan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Pertambahan pendapatan yang sederhana ini dijangka akan menyederhanakan pertumbuhan perbelanjaan penggunaan sektor swasta dan, dengan itu, tabungan dijangka meningkat. Sebahagian besar tabungan ini dijangka dilabur semula memandangkan pembentukan modal tetap oleh sektor swasta termasuk pelaburan asing dijangka berkembang pada kadar dua angka pada tahun 1997.

Pendapatan Sektor Swasta

Jumlah pendapatan sektor swasta yang meliputi syarikat perniagaan dan individu dijangka meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 8.2% kepada RM182 bilion pada tahun 1997 (1996: 16.9%). Sungguhpun pertumbuhan pendapatan korporat keseluruhan dijangka sederhana, prestasi hasil sektor swasta adalah

berbeza-beza berikutan kebanyakan sektor mencatatkan pertambahan hasil yang rendah. Keadaan ini dicerminkan oleh hasil kajian Jangkaan Penyiasatan Perniagaan (JPP) yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan ke atas 220 syarikat besar (sila lihat Jadual 6.1). JPP menunjukkan jumlah hasil bagi tahun 1997 meningkat lebih

Jadual 6.1
Hasil Kasar Mengikut Sektor¹

Sektor	Nilai (RM juta)		Perubahan Tahunan (%)	
	1996	1997 ²	1996	1997 ²
Pertanian	3,970	4,180	-2.3	5.3
Perkilangan	87,852	92,974	10.3	5.8
Pembinaan	5,581	6,199	87.2	11.1
Perkhidmatan	88,144	102,021	29.0	15.7
Perdagangan borong dan runcit	42,035	46,971	10.8	11.7
Hotel	401	388	-8.0	-3.4
Bank dan institusi-institusi kewangan	21,247	26,098	41.2	22.8
Insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	6,250	7,090	11.4	13.4
Pengangkutan	9,984	11,376	7.2	13.9
Telekomunikasi	8,228	10,098	n.a	22.7
JUMLAH	185,548	205,374	19.4	10.7

¹ Berdasarkan pelbagai terbitan Penyiasatan Jangkaan Perniagaan (PJP) yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan sebanyak dua kali setahun ke atas 220 syarikat perniagaan besar

² ramalan

n.a tiada maklumat

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

perlahan pada kadar 10.7% (1996: 19.4%). Mengikut kajian tersebut kesemua sektor utama ekonomi kecuali pertanian, dijangka mencatatkan pertumbuhan hasil yang perlahan pada tahun 1997.

Beraskan JPP, **sektor perkilangan** dijangka mencatatkan pertumbuhan hasil yang rendah pada kadar 5.8% pada tahun 1997, berbanding dengan pertumbuhan 10.3% pada tahun 1996 (sila lihat Jadual 6.2). Prestasi hasil **industri berorientasikan pasaran eksport** dijangka berkurangan sedikit pada kadar 0.7% pada tahun 1997 selepas mencatatkan peningkatan 3.5% pada tahun 1996. Ini terutamanya disebabkan oleh prestasi hasil yang lemah bagi keluaran elektrik dan elektronik serta industri berasaskan getah. Industri berasaskan getah dijangka mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 13.6%, mencerminkan pengurangan pengeluaran dan harga seunit getah pada tahun 1997. Pertumbuhan pendapatan industri elektrik dan elektronik dijangka merosot sebanyak 2.1%, disebabkan oleh pengurangan keluaran dan harga audio-visual yang lembab akibat lebih kapasiti pengeluaran dunia, serta kejatuhan harga semi-konduktor khususnya dynamic random access memory (DRAM) chip. Sebaliknya, pertambahan hasil sektor kecil berasaskan kayu dijangka terus kukuh, dengan mencatatkan pertumbuhan 18.2% pada tahun 1997 (1996: 18.5%) hasil daripada permintaan yang tinggi terhadap papan lapis daripada industri pemprosesan tempatan dan permintaan luar negeri yang terus menggalakkan. Pertumbuhan hasil sektor kecil tekstil dan pakaian juga dijangka kukuh walaupun meningkat lebih perlahan pada kadar 17.6% pada tahun 1997 (1996: 27.2%). Pertumbuhan hasil yang perlahan ini mencerminkan persaingan daripada negara-negara berkos rendah seperti China, Filipina, Bangladesh dan Vietnam, serta kenaikan kos pengeluaran dalam negeri akibat kekangan pasaran buruh.

Sungguhpun **industri berorientasikan pasaran tempatan** dijangka mencatatkan pengurangan ketara dalam pertumbuhan hasil, kadar peningkatannya adalah melebihi dua angka iaitu sebanyak 11% (1996: 16.4%). Industri kimia dan keluaran kimia dijangka mencatatkan pertumbuhan hasil tertinggi dikalangan sektor perkilangan pada kadar 22.5%, selepas meningkat dengan ketara sebanyak 55.9% pada tahun 1996. Industri keluaran plastik dijangka mencatatkan pertumbuhan hasil yang kukuh pada tahun 1997 dengan adanya permintaan dari dalam dan luar negeri yang kukuh

Jadual 6.2

Hasil Kasar Sektor Perkilangan¹

Industri	Nilai (RM juta)		Perubahan Tahunan (%)	
	1996	1997 ²	1996	1997 ²
Industri berorientasikan pasaran eksport				
	38,895	38,633	3.5	-0.7
Keluaran elektrik dan elektronik	32,913	32,207	1.7	-2.1
Tekstil dan pakaian	3,200	3,764	27.2	17.6
Keluaran kayu, kecuali perabot	813	961	18.5	18.2
Keluaran getah	1,969	1,701	-3.4	-13.6
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	48,956	54,341	16.4	11.0
Makanan, minuman dan tembakau	12,670	13,162	-5.1	3.9
Keluaran kertas dan percetakan	947	1,020	43.5	7.7
Kimia dan keluaran kimia	11,297	13,843	55.9	22.5
Penapisan petroleum	5,616	5,475	23.7	-2.5
Keluaran plastik dan kaca	421	428	5.0	1.5
Keluaran galian bukan logam	1,680	1,971	32.5	17.3
Besi dan keluli	2,021	2,174	-0.8	7.5
Keluaran logam yang direka	1,492	1,696	-2.4	13.7
Jentera, tidak termasuk elektrik	2,887	2,739	-13.4	-5.1
Kelengkapan pengangkutan	9,925	11,833	28.9	19.2
JUMLAH	87,852	92,974	10.3	5.8

¹ Beraskan JPP

² ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

terhadap keluaran plastik khususnya botol-botol plastik oleh industri minuman, resin tiruan dan gas perindustrian. Industri kelengkapan pengangkutan juga dijangka terus kukuh walaupun pertumbuhan hasilnya dijangka rendah pada kadar 19.2% pada tahun 1997 berbanding dengan 28.9% pada tahun 1996. Pertumbuhan yang lebih sederhana ini disebabkan oleh pengurangan jualan kereta penumpang melebihi 1600 c.c. Pertumbuhan industri kelengkapan pengangkutan dijangka didorong oleh jualan yang kukuh kereta-kereta PROTON dan PERODUA, motosikal dan skuter, serta bahan ganti dan aksesori kenderaan. Satu lagi industri yang dijangka mencatatkan pertumbuhan hasil yang perlahan, sungguhpun masih kukuh, ialah industri galian bukan logam yang meningkat pada kadar 17.3% pada tahun 1997 (1996: 32.5%). Ini disebabkan oleh kegiatan-kegiatan pembinaan yang kurang pesat, khususnya bagi kondominium mewah dan bangunan perdagangan bertingkat, serta sikap pemaju perumahan yang lebih berhati-hati akibat penambahan penawaran bangunan-bangunan komersil, serta had pinjaman sistem perbankan ke sektor hartanah.

Bagi **sektor pembinaan**, syarikat-syarikat pembinaan yang dikaji menjangkakan pertumbuhan hasil akan berkurangan kepada 11.1% pada tahun 1997, selepas mencatatkan peningkatan ketara 87.2% pada tahun 1996. Ini disebabkan oleh jangkaan kekurangan permintaan terhadap kondominium mewah, ruang pejabat dan rangkaian kedai runcit di kompleks perniagaan. Sungguhpun demikian, permintaan yang menggalakkan bagi hartanah serta apartmen berkos rendah dan sederhana serta keuntungan daripada perkhidmatan dan kerja-kerja kejuruteraan dijangka menyebabkan hasil sektor ini berkembang pada kadar dua angka.

Sektor perkhidmatan dijangka mencatatkan pertumbuhan hasil yang perlahan pada kadar 15.7% pada tahun 1997, selepas mencatatkan peningkatan ketara 29% pada tahun 1996. Pertumbuhan yang perlahan ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan pertumbuhan hasil sektor perbankan dan institusi kewangan. Hasil institusi kewangan yang dikaji dijangka mencatatkan pertumbuhan perlahan pada kadar 22.8% pada tahun 1997, berbanding dengan 41.2% pada tahun 1996. Ini disebabkan oleh langkah-langkah yang baru diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia untuk mengawal pertumbuhan kredit yang

dijangka mula berkesan dalam tempoh separuh kedua 1997. Peningkatan hasil sistem perbankan dan institusi kewangan pada tahun 1997 adalah disebabkan oleh pertambahan jumlah pemberian pinjaman dan pendahuluan sistem perbankan yang meningkat sebanyak 27.8% pada akhir Julai 1997 kepada RM321.4 bilion. Sektor kecil telekomunikasi juga dijangka mencatatkan pertumbuhan hasil yang kukuh sebanyak 22.7% , iaitu kedua terbanyak selepas sistem perbankan dan institusi kewangan. Ini sebahagiannya mencerminkan pertumbuhan dua angka dalam permintaan pengguna terhadap kemudahan talian telefon baru dan perkhidmatan telefon mudah alih. Mengikut JPP, sektor kecil lain yang dijangka mencatatkan pertumbuhan hasil yang kukuh ialah industri insurans dan pengangkutan. Bagi industri insurans, Bank Negara Malaysia menjangkakan jumlah pendapatan premium bagi 66 buah syarikat insurans yang beroperasi di Malaysia meningkat sebanyak 19.3% kepada RM4,999.7 juta bagi tempoh bulan Januari-Jun 1997 (Januari-Jun 1996: RM4,191.2 juta). Dalam industri pengangkutan pula, firma-firma yang dikaji menjangkakan jumlah hasil meningkat sebanyak 13.9% pada tahun 1997 berbanding 7.6% pada tahun 1996. Peningkatan hasil dalam industri pengangkutan mencerminkan kesan-kesan positif pengembangan kapasiti sektor perkhidmatan yang meliputi industri perkhidmatan udara, laut dan kereta api.

Perbelanjaan Penggunaan

Perbelanjaan penggunaan swasta, mengikut harga semasa, dijangka meningkat lebih perlahan pada kadar 6.9% kepada RM122.8 bilion pada tahun 1997 (1996: 9.7%). Ini mencerminkan kesan daripada pertumbuhan pendapatan yang sederhana, susutan kekayaan dan kesannya terhadap perbelanjaan penggunaan berikutan kejatuhan harga saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi meningkatkan tabungan swasta. Pertumbuhan perbelanjaan penggunaan swasta, mengikut harga sebenar, dijangka berkurangan sedikit pada kadar 3.8% (1996: 6%) manakala penggunaan per kapita dijangka meningkat sebanyak 1.4% (1996: 3.6%).

Pertumbuhan perbelanjaan penggunaan swasta yang sederhana jelas dicerminkan oleh petunjuk-petunjuk utama penggunaan, seperti peningkatan jumlah import barangan yang meningkat dengan


lebih perlahan pada kadar 5.6% kepada RM7.5 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 9.6%). Bagi barangan pengguna tahan lama, petunjuk-petunjuk jualan dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997 menunjukkan perbelanjaan penggunaan bagi barangan tersebut adalah berkurangan atau meningkat pada kadar yang lebih perlahan, melainkan kereta penumpang dan motosikal. Jualan televisyen merosot sebanyak 6.8% kepada 136,670 unit dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 8.7%), manakala jualan peti sejuk kegunaan isirumah jatuh pada kadar 14.1% kepada 100,814 unit (Januari-Julai 1996: -15.7%). Namun begitu, pertumbuhan jualan kereta penumpang meningkat lebih pesat pada kadar 19.9% (Januari-Julai 1996: 17%), manakala jumlah pendaftaran baru kereta dengan Jabatan Pengangkutan Jalan meningkat sebanyak 8.9% (Januari-Julai 1996: 5.3%). Sebaliknya, perbelanjaan penggunaan terhadap kereta khususnya kereta mewah dan berkapasiti tinggi dijangka terjejas dalam tempoh lima bulan akan datang. Perbelanjaan penggunaan terhadap motosikal meningkat dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 sebagaimana yang ditunjukkan oleh peningkatan 22.8% dalam jualan motosikal kepada 232,541 unit (Januari-Julai 1996: 0.5%) (sila lihat Carta 6.1).

Pada umumnya, perbelanjaan penggunaan swasta terhadap barangan bukan tahan lama dan separuh tahan lama meningkat dengan lebih perlahan. Ini dicerminkan oleh pertumbuhan perlahan bagi jualan makanan sebanyak 6.1% (Januari-Julai 1996: 11.2%) dan import makanan dan minuman sebanyak 8.6% (Januari-Julai 1996: 13.4%). Bagi barangan separuh tahan lama, pertumbuhan importnya berkurangan kepada 1.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: 15%). Jualan kain kapas juga merosot sebanyak 6.7% (Januari-Julai 1996: -41.7%), manakala import pakaian dan kain jatuh sebanyak 3.7% (Januari-Julai 1996: 3.1%). Di samping itu, import kasut juga meningkat dengan lebih perlahan pada kadar 15.1% (Januari-Julai 1996: 22.7%)

Sungguhpun demikian, permintaan swasta terhadap **perkhidmatan** dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 terus stabil seperti yang ditunjukkan oleh sektor kecil perkhidmatan pengangkutan, telekomunikasi serta tenaga. Secara khusus, jumlah penumpang komuter KTMB

Carta 6.1

Petunjuk-Petunjuk Penggunaan Swasta^{1/}



1/ Data bagi 1997 meliputi tempoh Januari-Julai

2/ Merujuk kepada jumlah yang dikeluarkan oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan pada akhir tahun, kecuali tahun 1997 bagi akhir bulan Julai.

3/ Merujuk kepada skil kanan.

4/ Merujuk kepada skil kiri.

meningkat ketara sebanyak 57.2% kepada 9,318,491 orang berbanding dengan 5,926,193 penumpang yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1996. Pada masa yang sama, bilangan teksi dan bas yang didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan meningkat sebanyak 8.9% (Januari-Julai 1996: 3.2%). Dari segi permintaan terhadap perkhidmatan telekomunikasi, bilangan pelanggan telefon isirumah meningkat sebanyak 14% kepada 2,927,247 pada akhir bulan Julai 1997 (akhir-Julai 1996: 12.4%). Penggunaan elektrik juga terus kukuh mencatatkan peningkatan pada kadar 14.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, selepas mencatatkan pertumbuhan 11.5% dalam tempoh yang sama tahun 1996.

Perbelanjaan Modal

Pelaburan sektor swasta dijangka meningkat 10.6% kepada RM85.2 bilion (1996: 15.8%). Pertumbuhan perbelanjaan pembentukan modal yang mampan boleh dilihat daripada peningkatan 21.2% dalam import barangan modal dalam tempoh

tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: -7.7%). Sektor-sektor yang dijangka mencatatkan pertumbuhan pesat ialah sektor perkilangan, minyak dan gas, serta sektor perkhidmatan khususnya pengangkutan dan telekomunikasi. Sebaliknya, pelaburan sektor pertanian dan pembinaan dijangka berkurangan. Peningkatan dalam pelaburan sektor swasta adalah didorong oleh peningkatan pelaburan tempatan dan pelaburan asing. Pelaburan yang dilaksanakan oleh pelabur tempatan pada tahun 1997 dijangka berjumlah RM63.3 bilion, iaitu meningkat sebanyak 9.7% berbanding dengan jumlah pelaburan RM57.7 bilion pada tahun 1996 (14%). Pelaburan yang dilakukan oleh pelabur-pelabur asing termasuk dalam projek-projek usahasama dijangka meningkat sebanyak 13% kepada RM21.9 bilion (1996: 21.3%).

Berdasarkan 220 syarikat besar yang dikaji oleh Jabatan Perangkaan, jumlah perbelanjaan modal dijangka pulih dan mencatatkan pertumbuhan 67.8% pada tahun 1997, selepas mengalami kejatuhan pelaburan sebanyak 4.1% pada tahun 1996 (sila lihat Jadual 6.3 dan Carta

Jadual 6.3
Perbelanjaan Modal Mengikut Jenis¹

<i>Kategori</i>	<i>Nilai (RM juta)</i>		<i>Sumbangan (%)</i>		<i>Perubahan Tahunan (%)</i>	
	<i>1996</i>	<i>1997^r</i>	<i>1996</i>	<i>1997^r</i>	<i>1996</i>	<i>1997^r</i>
Bangunan-bangunan baru dan struktur lain	2,136	4,086	17.3	19.7	47.5	91.3
Jentera dan Kelengkapan baru	7,178	11,050	58.1	53.4	21.6	54.0
Kelengkapan pengangkutan baru	2,083	4,229	16.9	20.4	-57.6	103.0
Perbelanjaan lain	947	1,346	7.7	6.5	105.6	42.1
JUMLAH	12,344	20,711	100.0	100.0	-3.0	67.8




¹ Berasaskan PJP

^r ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 6.2

Petunjuk-Petunjuk Pelaburan Swasta^{1/}



1/ Data bagi 1997 meliputi tempoh Januari-Julai.

2/ Merujuk kepada jumlah pada akhir tahun, kecuali tahun 1997 pada akhir bulan Julai.

6.2). Pelaburan terhadap bangunan-bangunan baru termasuk kilang dan struktur-struktur lain dijangka meningkat pada kadar 91.3%. Sebahagian besar daripada pelaburan adalah tertumpu kepada pembelian jentera baru dan peralatan yang merupakan 53.3% daripada jumlah pelaburan keseluruhan pada tahun 1997. Jumlah pelaburan bagi jentera baru dan peralatan dijangka meningkat lebih pesat pada kadar 54% (1996: 21.6%). Pertumbuhan pesat pelaburan terhadap jentera baru dan peralatan boleh dilihat daripada pertumbuhan pesat import barangan modal sebanyak 21.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997.

Mengikut JPP, perbelanjaan modal **sektor perkilangan** dijangka berkembang pesat pada kadar 45.8% pada tahun 1997, selepas mencatatkan pertumbuhan negatif 4.1% pada tahun 1996 (sila lihat Jadual 6.4). Peningkatan ketara pelaburan swasta menunjukkan jumlah kelulusan modal pelaburan yang tinggi oleh MIDA bagi tempoh 1994-96, berjumlah RM78.2 bilion di mana 48% adalah daripada pelaburan asing. Industri yang dijangka mencatatkan peningkatan ketara dalam jumlah pelaburan ialah industri kimia dan keluaran kimia yang meningkat sebanyak 156%, dan diikuti oleh elektrik dan keluaran elektronik pada kadar 12.5%. Pertumbuhan pesat pelaburan bagi industri kimia dan keluaran kimia adalah didorong oleh peningkatan permintaan yang kukuh dari dalam dan luar negeri. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, eksport kimia dan keluaran kimia meningkat pada kadar 13.8%. Sebahagian besar pelaburan dalam industri ini adalah bagi pelaksanaan beberapa projek besar petrokimia di Kertih, Gebeng dan Pasir Gudang. Pelaburan dalam industri kimia dan keluaran kimia juga didorong oleh sejumlah 181 projek yang diluluskan oleh MIDA bagi tempoh 1994-96 dengan nilai pelaburan berjumlah RM9.8 bilion. Pelaburan dalam industri elektrik dan keluaran elektronik juga dijangka didorong oleh permintaan eksport yang kukuh terhadap semi-konduttor sungguhpun persaingan diperingkat global bertambah sengit hingga menjejaskan harga, serta peningkatan mesin memproses data elektronik sebanyak 68.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997.

Industri-industri lain yang dijangka mencatatkan pertumbuhan pelaburan pada tahun 1997 ialah industri yang mengeluarkan barangan plastik dan kaca, keluaran galian bukan-logam, keluaran kertas, makanan, minuman dan tembakau, serta penapisan petroleum. Peningkatan sebanyak 219%

Jadual 6.4

Perbelanjaan Modal Bagi Sektor Perkilangan¹

	Nilai (RM juta)		Perubahan Tahunan (%)	
	1996	1997 ²	1996	1997 ²
Keluaran elektrik dan elektronik	1,935	2,177	-21.8	12.5
Tekstil dan pakaian	894	569	-11.4	-36.4
Keluaran kayu tidak termasuk perabot	249	77	790.0	-69.0
Keluaran getah	119	117	78.9	-2.1
Makanan, minuman dan tembakau	354	485	102.5	37.1
Keluaran kertas dan percetakan	109	165	341.7	51.7
Kimia dan keluaran kimia	865	2,215	1.1	156.0
Penapisan petroleum	205	438	-20.6	113.6
Keluaran plastik dan kaca	77	247	115.6	219.0
Keluaran galian bukan logam	142	872	-42.0	516.4
Besi dan keluli	147	170	-67.0	15.8
Keluaran logam yang direka	90	107	76.3	18.8
Jentera, tidak termasuk jentera elektrik	246	295	38.8	19.8
Kelengkapan pengangkutan	369	521	76.9	41.3
JUMLAH	5,801	8,456	-4.1	45.8

¹ Berdasarkan PJP

² ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dalam industri plastik dan kaca dijangka didorong oleh pertumbuhan permintaan yang kukuh dari dalam dan luar negeri selaras dengan perkembangan pesat industri pembungkusan makanan dan pembotolan minuman, serta permintaan yang kukuh bagi keluaran plastik daripada industri automobil. Pertumbuhan pelaburan yang kukuh bagi industri galian bukan logam disebabkan oleh peningkatan kapasiti pengeluaran oleh syarikat-syarikat pengeluar simen bagi memenuhi permintaan yang meningkat. Namun begitu, pelaburan dalam industri berasaskan kayu dijangka berkurangan sebanyak 69% pada tahun 1997 disebabkan oleh pelaburan yang terlalu besar pada tahun 1996. Pelaburan dalam industri tekstil dijangka terus berkurangan sebanyak 36.4% pada tahun 1997 berbanding dengan kemerosotan sebanyak 11.4% pada tahun 1996. Ini disebabkan oleh peningkatan kos pengeluaran akibat masalah kekurangan buruh dan persaingan sengit dengan pengeluar-pengeluar berkos rendah di peringkat global.

Jumlah cadangan pelaburan modal bagi sektor perkilangan yang dikeluarkan oleh MIDA dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 bernilai RM14.6 bilion melibatkan 416 projek (Januari-Julai 1996: RM18.2 bilion, 454 projek). Ini merupakan pengurangan sebanyak 19.8% berbanding tempoh yang sama tahun 1996 (sila lihat Jadual 6.5) Pertumbuhan pelaburan yang perlahan pada tahun ini adalah disebabkan oleh jumlah pelaburan yang besar yang telah diluluskan pada tahun 1996 (64.2%), dan dijangka akan dilaksanakan pada tahun 1997 dan 1998. Daripada sejumlah RM14.6 bilion pelaburan yang diluluskan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, sebanyak 43.1% adalah pelaburan asing (RM6.3 bilion). Sebahagian besar daripada jumlah cadangan pelaburan yang diluluskan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 adalah bagi industri elektrikal dan elektronik (32.9% daripada jumlah cadangan pelaburan modal), industri keluaran logam (16.4%), penapisan petroleum (12.3%) dan industri keluaran kimia (8.2%). Negara Jepun terus merupakan pelabur asing terbesar iaitu merangkumi sebanyak 25.4% daripada jumlah cadangan pelaburan modal, dan diikuti oleh AS (24.4%), Korea Selatan (10.3%) dan Singapura (8.6%).

Pelaburan dalam **sektor minyak dan gas** oleh empat syarikat minyak utama, termasuk Petronas dijangka meningkat sebanyak 70.6% kepada

Jadual 6.5

Projek-Projek Yang Diluluskan Mengikut Industri
(Januari-Julai)

<i>Industri</i>	<i>Bilangan</i>		<i>Nilai (RM juta)</i>		<i>Sumbangan (%)</i>		<i>Perubahan Tahunan (%)</i>
	1996	1997	1996	1997	1996	1997	1997
Keluaran elektrik dan elektronik	120	97	7,716	4,824	43.2	33.1	-37.5
Keluaran tekstil dan kulit	27	11	196	151	1.1	1.0	23.0
Kayu, Perabot dan kelengkapan	47	44	566	516	3.2	3.6	-8.8
Makanan, minuman dan tembakau	39	33	417	544	2.3	3.7	30.5
Keluaran getah dan plastik	19	30	188	310	1.0	2.1	64.9
Petroleum dan arang batu	5	1	1,576	1,823	8.8	12.5	15.7
Kimia dan keluaran kimia	30	30	1,322	1,168	7.4	8.0	-11.6
Keluaran galian bukan logam	17	37	612	885	3.4	6.1	44.6
Keluaran logam asas dan logam yang direka	55	54	1,407	2,375	7.9	16.3	68.8
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	61	54	1,228	1,306	6.9	9.0	6.3
Pelbagai	29	25	2,931	669	14.8	4.6	-77.2
JUMLAH	449	416	18,159	14,571	100.0	100.0	-19.8

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)

RM11.1 bilion pada tahun 1997, selepas berkurangan sebanyak 12% pada tahun 1996. Pelaburan dalam kegiatan hulu dijangka meningkat pada kadar 55% kepada RM6.2 bilion daripada RM4.0 bilion pada tahun 1996, manakala pelaburan dalam kegiatan hiliran dijangka meningkat sebanyak 94% kepada RM4.9 bilion. Jika Petronas tidak diambilkira, jumlah pelaburan bagi tiga syarikat minyak utama dijangka meningkat sebanyak 76.7% kepada RM1.2 bilion. Pelaburan dalam kegiatan hulu, dijangka meningkat pada kadar 283.1% kepada RM712.6 juta, daripada

RM186 juta pada tahun 1996 yang sebahagian besar akan dilakukan oleh sebuah syarikat. Namun begitu, pelaburan dalam kegiatan hiliran dijangka berkurangan sebanyak 3.8% kepada RM459 juta, selepas mencatatkan peningkatan sebanyak 111% pada tahun 1996.

Pelaburan dalam **sektor pembinaan**, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 6.6, dijangka terus berkurangan sebanyak 3.3% pada tahun 1997 (1996: -3.5%). Tahap pelaburan yang rendah adalah disebabkan oleh pengurangan

Jadual 6.6
Perbelanjaan Modal mengikut
Sektor¹

Sektor	Nilai (RM juta)		Perubahan Tahunan (%)	
	1996	1997 ¹	1996	1997 ¹
Pertanian	407	354	25.0	-13.1
Getah	18	20	-52.2	-7.7
Kelapa Sawit	253	248	21.5	-1.8
Pembalakan	136	86	71.7	-36.9
Perkilangan	5,801	8,456	-4.1	45.8
Pembinaan	110	107	-3.5	-3.3
Perkhidmatan	6,026	11,795	-3.3	96.1
Perdagangan borong dan runcit	625	845	31.5	35.2
Hotel	50	38	8.5	-24.5
Bank dan institusi-institusi kewangan lain	717	793	65.7	10.6
Insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	101	232	21.0	128.6
Pengangkutan	2,292	5,131	-55.8	123.9
Telekom- munikasi	2,241	4,757	n.a	113.4
JUMLAH	12,344	20,711	-3.0	67.8

¹ Berasaskan PJP

[†] ramalan

n.a tiada maklumat

Sumber: Jabatan Perangkaan

pembelian jentera oleh kebanyakan firma-firma yang dikaji berikutan stok peralatan jentera berat sektor pembinaan dan jentera-jentera lain yang tinggi serta pengenaa cukai ke atas beberapa jentera berat dengan tujuan menggalakkan penggunaan peralatan terpakai dan yang telah dibaikpulih. Pengurangan pelaburan dalam sektor pembinaan boleh dilihat daripada kejatuhan 18.2% bagi import traktor dan lain-lain peralatan kejuruteraan awam dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Sikap berhati-hati pihak pemaju berikutan dengan penambahan penawaran bangunan-bangunan komersial bagi ruang pejabat dan ruang niaga, serta kondominium, juga dijangka menjejaskan pelaburan modal sektor pembinaan.

Perbelanjaan modal **sektor perkhidmatan** dijangka meningkat dengan ketara, di mana firma-firma yang dikaji akan meningkatkan pelaburan mereka sebanyak 96.1% kepada RM11.8 bilion (1996: -3.3%). Ini mencerminkan jangkaan pertumbuhan pelaburan yang pesat bagi sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan telekomunikasi. Mengikut JPP, pelaburan dalam sektor kecil pengangkutan dijangka meningkat dengan ketara pada kadar 123.9% pada tahun 1997, selepas mencatatkan kejatuhan sebanyak 55.8% pada tahun 1996. Peningkatan ini adalah didorong terutamanya oleh pelaburan yang begitu tinggi bagi menambah kapasiti perkhidmatan yang melibatkan industri keretapi, udara dan perkapalan. Peningkatan pelaburan dalam pengangkutan keretapi boleh dilihat dari ialah kenaikan 305.5% import gerabak keretapi dan peralatan kepada RM503.5 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Pelaburan dalam pengangkutan udara khususnya oleh MAS juga dijangka terus meningkat. Ini jelas dicerminkan oleh peningkatan import kapal terbang dan peralatan sebanyak 33.2% berjumlah RM3.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Pelaburan dalam sektor perkapalan juga dijangka terus kukuh. Ini telah membawa kepada menyebabkan import kapal dan tanker meningkat 59% kepada RM2.6 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Berikutan dengan pertambahan pelaburan dalam sektor perkapalan dan pengangkutan udara, pelaburan terhadap kemudahan-kemudahan penyimpanan turut meningkat dengan pesat. Ini dicerminkan oleh peningkatan 30% bagi import kontena kepada RM137.1 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Semua pelaburan ini dijangka dan menambahkan lagi keupayaan Malaysia untuk mengeksport perkhidmatan yang telah bertambah

sebanyak 25.7% pada tahun 1996, serta meningkatkan lagi kapasiti negara untuk menggantikan perkhidmatan yang diimport. Bagi sektor kecil telekomunikasi, pelaburan dijangka meningkat dua kali ganda daripada RM2.2 bilion pada tahun 1996 kepada RM4.8 bilion pada tahun 1997. Ini menunjukkan langkah-langkah yang diambil bagi memperbaiki mutu perkhidmatan dan rangkaian keluaran telah berkesan, serta adalah selaras dengan usaha untuk meningkatkan tahap teknologi khususnya Teknologi Maklumat.

Sumber-sumber Pembiayaan

Selaras dengan jangkaan pertumbuhan hasil dan pendapatan yang perlahan, jumlah tabungan sektor swasta yang meliputi lebih operasi syarikat dan tabungan isirumah, dijangka meningkat dengan lebih perlahan pada kadar 11% kepada RM59.2 bilion (1996: 35.9%)(sila lihat Jadual 6.7). Tahap tabungan ini dijangka dapat membiayai 69.4% daripada pelaburan, yang dijangka meningkat sebanyak 12.6% kepada RM85.3 bilion pada tahun

Jadual 6.7

Kedudukan Sumber Sektor Swasta (dalam harga semasa)

Sektor	Nilai (RM juta)		Perubahan Tahunan (%)	
	1996	1997 ¹	1996	1997 ¹
Pendapatan sektor swasta ¹	168.2	182.0	16.9	8.2
Tolak penggunaan swasta	114.9	122.8	9.7	6.9
Tabungan sektor swasta	53.3	59.2	35.9	11.0
(% daripada KNK)	(22.4)	(22.6)		
Pelaburan sektor-sektor swasta ²	75.8	85.3	12.6	12.6
Jurang tabungan pelaburan swasta	-22.5	-26.1		
(% daripada KNK)	(9.5)	(10.0)		

¹ Selepas ditolak cukai langsung tetapi termasuk subsidi

² Termasuk perubahan stok

¹ ramalan

Jadual 6.8

Sumber Pembiayaan Sektor Swasta¹ (% sumbangan)

	1996	1997 (ramalan)
Dana dalaman	73.3	70.3
Pinjaman dalam negeri	19.9	16.0
Pinjaman luar negeri	6.8	13.7
JUMLAH (RM juta)	100.0 12,344	100.0 20,711

¹ Berasaskan JPP

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1997. Jurang sumber sektor swasta yang dijangka bertambah dari defisit RM22.5 bilion (9.5% daripada KNK) pada tahun 1996 kepada RM26.1 bilion (10% daripada KNK), adalah dijangka akan dibiayai sebahagian besarnya oleh aliran masuk kasar modal korporat asing jangka panjang, termasuk simpanan keuntungan, yang dijangka berjumlah RM21.9 bilion (8.4% daripada KNK).

Sebagaimana yang ditunjukkan oleh JPP dalam Jadual 6.8, sebanyak 70.3% daripada jumlah pelaburan modal bagi 220 syarikat besar pada tahun 1997 adalah dijangka dibiayai oleh dana dalaman berikutan dengan lebih operasi syarikat yang terus menggalakkan. Dana dalaman ini meliputi aliran dana yang dibawa masuk oleh syarikat-syarikat asing untuk membiayai pelaburan kasar mereka di Malaysia. Pinjaman dalam negeri dan dari luar pesisir, serta pasaran modal juga merupakan sumber pembiayaan utama pelaburan bagi tahun 1997. Seperti yang ditunjukkan oleh JPP, pinjaman dalam negeri dijangka akan dapat membiayai sebahagian yang lebih kecil daripada jumlah perbelanjaan modal yang telah dirancang oleh 220 buah syarikat-syarikat besar pada tahun 1997, iaitu sebanyak 16% berbanding dengan 19.9% pada tahun 1996. Pinjaman luar pesisir juga dijangka kekal sebagai penyumbang utama bagi membiayai pembentukan modal pada tahun 1997. Pinjaman ini dijangka berjumlah 13.7% daripada jumlah perbelanjaan modal oleh firma-firma yang dikaji berbanding dengan 6.8% pada tahun 1996.

Jadual 6.9**Dana yang Diperolehi Daripada
Pasaran Modal
(Januari-Julai)**

<i>Sektor</i>	<i>(RM juta)</i>		<i>% sumbangan</i>	
	<i>1996</i>	<i>1997</i>	<i>1996</i>	<i>1997</i>
Saham	9,314	12,451	44.9	49.4
Terbitan awam	1,183	3,159	5.7	12.5
Terbitan hak	3,256	5,209	15.7	20.7
Terbitan khusus	1,786	1,255	8.6	5.0
Tawaran jualan	3,089	2,828	14.9	11.2
Sekuriti Hutang	11,428	12,741	55.1	50.6
Bon konvensional	5,602	5,242	27.0	20.8
Bon boleh-tukar	681	1,952	3.3	7.7
Nota berprinsipkan Islam	2,200	4,022	10.6	16.0
Lain-lain	2,945	1,525	14.2	6.1
JUMLAH	20,742	25,192	100.0	100.0

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pasaran modal tempatan terus kekal sebagai sumber penting untuk membiayai pembentukan modal dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Pada akhir Julai 1997, sejumlah RM12.5 bilion telah dikumpul melalui pengeluaran saham-saham baru di Bursa Saham Kuala Lumpur (sila lihat Jadual 6.9). Ini termasuk RM3.2 bilion terbitan awam, RM5.2 bilion terbitan hak, RM2.8 bilion pendapatan persendirian dan selebihnya RM1.3 bilion adalah terbitan khas. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, sebanyak 20 buah syarikat-syarikat baru telah disenaraikan di papan utama dan 41 buah syarikat telah disenaraikan di papan kedua. Pada masa yang sama, usaha untuk memperluaskan dan memperdalamkan pasaran modal akan mewujudkan instrumen-instrumen kewangan lain untuk membiayai pelaburan sektor swasta. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, sejumlah RM12.7 bilion telah diperolehi melalui terbitan sekuriti hutang swasta. Ini termasuk kertas-kertas komersial, bon konvensional dan boleh-tukar, nota berprinsipkan Islam serta nota dan bon Cagamas.

Penutup

Kesederhanaan aktiviti ekonomi beserta dengan kejatuhan harga barangan perkilangan pada tahun 1997 dijangka memberi kesan ke atas pertumbuhan hasil sektor swasta. Namun demikian, pertumbuhan simpanan sektor swasta dijangka terus menggalakkan. Walaupun pelaburan oleh syarikat-syarikat tempatan dan asing masih meningkat, sebahagian besar daripada perbelanjaan modal sektor swasta dijangka dibiayai oleh dana dalaman, termasuk dana yang dibawa masuk oleh pelabur-pelabur asing untuk membiayai pembentukan modal tetap di Malaysia.